

24 December 2017 (Sunday)

POTONGAN YURAN 50%

Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor
mohdhelmi@hmetro.com.my

Seremban

Sekolah Antarabangsa Matrix (MGS) di Senedayan di sini menawarkan geran pendidikan MGS Bursary 2018 kepada semua pelajar dalam negara untuk menyambung pengajian di institusi berkenaan.

Pengarahnya, Datuk Kalsom Khalid berkata, geran kali pertama diperkenalkan berbentuk pengurangan yuran antara 25 hingga 50 peratus bermula awal tahun depan.

Katanya, tawaran itu terbuka kepada semua murid dan pelajar berkelulusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Checkpoint (setara Cambridge di sekolah antarabangsa).

"Bagi tawaran ini, pengurangan 25 peratus diperuntukkan kepada sekolah ke-

bangsaan yang mendapat minimum 4A pada UPSR.

"Syarat untuk pelajar SJKC (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina) dan SJKT (Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil) pula minimum 6A, manakala PT3 minimum 6A," katanya.

Kalsom berkata, bagi kategori kedua iaitu pengurangan 50 peratus, murid yang menduduki UPSR perlu meraih minimum 6A.

"Sementara itu pelajar SJKC dan SJKT, syarat kelayakan minimum 8A. PT3 pula mesti dapat semua A, manakala Checkpoint dengan tiga keputusan 6.0," katanya di sekolah itu, di sini, kelmarin.

Hadir sama Ketua Matrix Private School Felicia Wong dan Ketua Pembangunan Perniagaan MGS, Charmaine Chean.

Beliau berkata, permohonan boleh dibuat menerusi www.matrixschools.edu.my atau datang ke sekolah dengan membawa sijil keputusan.

■ **MGS Bursary 2018 tawar geran pendidikan sambung pengajian**



KALSON (tengah) menunjukkan poster tawaran geran pendidikan MGS Bursary 2018.